




GAMBAR dari udara keadaan tanah runtuh di hadapan premis MACA, Kuala Lumpur semalam.

Takungan air turut dikesan di lokasi kejadian

Paip pecah punca runtuhan di MACA

(27 APRIL 2023) KOSMO, P7

PETALING JAYA – Polis mengesahkan terdapat beberapa runtuhan kecil berlaku di kawasan tanah runtuh di hadapan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) di Persiaran Tunku Syed Sirajuddin, di sini kelmarin.

Ketua Polis Daerah Sentul, Asisten Komisioner Beh Eng Lai berkata, pemantauan yang dilakukan turut mendapati, kejadian itu berkemungkinan berlaku akibat dua faktor iaitu takungan air dan paip di bawah tanah pecah.

“Bagaimanapun, dapatan itu masih terlalu awal dan Unit Forensik Cerun, JKR (Jabatan Kerja Raya) masih menjalankan analisis mengenainya,” katanya di sini semalam.

Ujarnya, keputusan sama ada

lokasi itu selamat diduduki akan dibincangkan bersama agensi-agensi terlibat seperti JKR.

“Kita juga sedang berbincang untuk memasang cerucuk besi bagi mengelakkan bangunan berdekatan daripada terus terjejas ekoran hakisan tanah,” ujarnya.

Mengulas lanjut, beliau memaklumkan, JKR juga mengesan paip pecah di bawah tanah akademi itu dan kedua-dua faktor terbabit menyebabkan air tidak dapat mengalir keluar, seterusnya berlaku tanah runtuh.

“Semasa kejadian, dua anggota Rela (Jabatan Sukarelawan Malaysia) bertugas di luar pagar akademi itu dan mereka menderang bunyi runtuh tanah.

“Anggota Rela terbabit kemu-

dian memaklukkannya kepada pengawal keselamatan MACA. Sebaik mereka tiba, berlaku runtuhan susulan yang turut membabitkan pondok pengawal,” ujarnya.

Dalam pada itu, kakitangan Institut Integriti Malaysia (IIM) diarah bekerja dari rumah susulan kes berkenaan.

Dalam kejadian kira-kira pukul 1.30 tengah hari kelmarin, seramai 76 petugas pentadbiran MACA dan IIM, berdepan detik cemas selepas berlaku runtuhan tanah di situ.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang mendapatkan tempat sementara bagi meneruskan operasi MACA.